BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

KEPERLUAN BERKANUN

Bagi tempoh bulan Januari 2013 hingga Jun 2013, bagi maksud seksyen 192 Akta Insurans 1996 dan seksyen 56 Akta Takaful 1984 (masing-masing dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang berkuat kuasa 30 Jun 2013), Bank Negara Malaysia telah menyerahkan satu naskhah Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2013 kepada Menteri Kewangan untuk dikemukakan kepada Parlimen.

Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
19 Mac 2014

PRAKATA

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2013 ini membentangkan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan keupayaan sistem ini untuk terus melaksanakan peranan pengantaraan kewangannya dalam ekonomi negara. Laporan ini juga menghuraikan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Bank untuk memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan agar sektor ini akan terus menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan proses transformasi ekonomi negara. Selain itu, laporan ini turut mengandungi langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan kekal selamat dan kukuh serta terus menggalakkan kestabilan sistem kewangan dan pembayaran secara keseluruhannya.

Penerbitan laporan ini bertujuan meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu dan perkembangan yang memberikan kesan kepada kestabilan kewangan, termasuk hala tuju dasar Bank.

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran ini boleh didapati dalam format PDF di www.bnm.gov.my